



جَنْبَلَكَ لِلْمُؤْمِنِينَ حَلَقَ لِلْمُرْسَلِينَ بِحَمْدِ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.  
Tingkat 3, 5, & 6,  
Blok B, Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800  
Fax. : 09-513 4839  
Email : pkn@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. 2 (21)  
Tarikh : 13 Oktober 2020

## SENARAI EDARAN

YB Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan,

## PEMATUHAN KE ATAS PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri / YH Dato/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Seperti mana pihak YB Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan sedia maklum, semua aset alih Kerajaan hendaklah diguna dan dikendali dengan **cekap, mahir dan teratur** bagi mengelak pembaziran, menjimatkan kos, mencegah penyalahgunaan dan mengelak kehilangan aset milik Kerajaan. Berdasarkan pemerhatian Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, kebelakangan ini terdapat banyak permohonan bagi **menghapus kira aset alih yang tidak dapat dikesan atau hilang yang berpunca daripada pergerakan aset yang tidak direkodkan, tempat penyimpanan tidak selamat atau faktor-faktor lain yang berkait dengan kecuaian**.

3. Sehubungan dengan itu, pihak YB Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan adalah dimohon supaya dapat memastikan **Pekeliling Perbendaharaan mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dapat dipatuhi sepenuhnya** terutama sekali melibatkan penggunaan dan penyimpanan aset tersebut serta memastikan pemeriksaan aset alih dilaksanakan dari semasa ke semasa. Pentadbiran ini turut mengingatkan, **tindakan surc妖 atau tatatertib atau kedua-duanya sekali boleh diambil ke atas penjawat awam sekiranya terdapat unsur-unsur kecuaian dalam pengendalian dan pengurusan aset alih Kerajaan**.

4. Perhatian dan kerjasama YB Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

## "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR, SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR